Dalam Selimut Islam

sendiri dengan Jerusalem dan Haram al-Sharif sebagai ibu negara," kata Kaddoumi yang merupakan pegawai bertaraf paling tinggi dari Palestin yang menghadiri Sidang Kemuncak OIC.

Lebih 85,000 tentera Israel dengan 1,000 kereta kebal kini berada di wilayah Palestin. Mereka membahagikan wilayah itu kepada daerah-daerah kecil. Mereka juga memasuki daerah-daerah itu, membunuh dan menangkap orang awam selain memusnahkan rumah.

Kaddoumi bagaimanapun membidas sebarang percubaan untuk menyamakan perjuangan rakyat Palestin dengan keganasan sambil menyatakan bahawa Piagam Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) membenarkan rakyat yang berada di bawah pendudukan asing supaya menggunakan apa juga cara untuk membebaskan diri mereka.

"Terdapat perbezaan antara keganasan dan usaha membebaskan wilayah yang diduduki. Selagi wilayah kami diduduki, kenapa kami pula yang dituduh melakukan keganasan. Piagam PBB menyatakan kami perlu berjuang dengan apa cara sekalipun," katanya.

Isu Palestin hakikatnya sudah berlarutan lebih lama daripada usia OIC

sendiri. Tindakan politik secara bersama oleh negara-negara Islam dalam isu itu amat rapuh sehinggakan ia tidak berupaya memberikan mereka keberanian dan pengaruh, kata Setiausaha Agung OIC, Dr. Abdelouahed Belkeziz.

Di tanah air mereka, umat Islam turut menghadapi ujian memandangkan mereka tidak mempunyai keupayaan dan dilanda kekecewaan. "Di hadapan mata mereka sendiri, sebuah dari negara mereka diduduki, sebuah lagi dikenakan sekatan dan segala bentuk halangan, yang ketiga pula diugut manakala sebuah lagi dituduh menaja keganasan.

"Di luar negara, di luar kediaman mereka, mereka dilihat dengan penuh keraguan, diwujudkan keadaan tidak selesa dan dinafikan hak-hak awam mereka," kata Belkeziz.

Dalam ucapannya pada perasmian Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan OIC, 11 Oktober lepas, Belkeziz menggesa penyingkiran semua kuasa asing, khususnya Amerika Syarikat dari Iraq dan menyerahkan tugas itu kepada PBB untuk mentadbir hal ehwal Baghdad sementara menunggu kemerdekaan dan pembangunannya dipulihkan semula.

Menurut beliau, antara isu-isu utama yang dihadapi pertubuhan itu adalah keganasan, globalisasi, dialog antara peradaban, kempen terhadap umat Islam dan agama Islam serta pencabulan hak asasi manusia. "Yang lainnya termasuk situasi di Afghanistan, Jammu dan Kashmir, keadaan umat Islam di Azerbaijan, Filipina dan Somalia serta situasi ekonomi dunia Islam," katanya.

Namun dalam sibuk bercakap soal kebiadaban Israel dan Amerika Syarikat, OIC tidak wajar menutup mata terhadap benih keganasan yang disemai di dunia Islam sendiri, yang boleh disifatkan sebagai musuh dalam selimut. Negara-negara Islam harus mengubah imejnya daripada label pengganas kepada rupa yang lebih sederhana dan toleran.

Tetapi dari manakah perubahan ini mahu dimulakan? Jawapannya ialah di Asia.

Buat pertama kali dalam sejarah OIC, sidang kemuncak pertubuhan itu diadakan di Asia Tenggara. Sementara dunia Arab secara tradisi dilihat sebagai pusat Islam, Asia Tenggara sebaliknya mengandungi negara yang mempunyai penduduk Islam terbesar – Indonesia – dan negara Islam paling membangun, Malaysia.

Pakar keganasan antarabangsa, Rohan Gunaratna berkata, Asia telah mula mengambil peranan sebagai peneraju negara-negara Islam. "Asia adalah masa depan Islam. Terdapat kegagalan besar di Timur Tengah," kata profesor madya di Institut Pengajian Pertahanan dan Strategik di Singapura itu.

"Orang Islam Asia adalah moderat, toleran, berbanding Muslim di Timur Tengah yang lebih keras dan kasar," katanya. Beliau berkata, kumpulan teroris serantau yang dikaitkan dengan al-Qaeda iaitu Jemaah Islamiah 'mendapat kurang satu peratus sokongan orang Islam di rantau ini.' "Islam menjadi demikian di Asia kerana kepimpinan pemimpin-pemimpin seperti Dr. Mahathir Mohamad dan Musharraf (Presiden Pakistan)."

Musharraf sering bercakap tentang idea untuk menyuburkan kesederhanaan dan bekerjasama rapat antara negara-negara Islam untuk memerangi ekstremisme dan keganasan. Jeneral Musharraf, yang juga ketua tentera Pakistan, mengetengahkan idea menentang pengganas agama di negaranya sejak mengambil alih kuasa empat tahun lalu.

Beliau menjadikan Pakistan sebagai pakatan utama Washington dalam memerangi keganasan selepas insiden 11 September 2001. Sejak itu, Pakistan telah menangkap 500 anggota al-Qaeda dan Taliban.

Dr. Mahathir, walaupun menggelar dirinya sebagai 'fundamentalis Islam' dan Malaysia merupakan 'contoh negara Islam', tetapi beliau mentadbir sebuah negara pelbagai kaum selama 22 tahun, di mana orang Cina dan India dibenarkan mengamalkan agama masing-masing. Malaysia menjadi pengerusi OIC untuk tempoh tiga tahun akan datang.

"Negara-negara Islam telah gagal dalam pemodenan kerana pemerintah mereka kekurangan visi, manakala kekayaan minyak langsung tidak membantu negara-negara Arab," kata Gunaratna seperti dipetik AFP. "Mereka tidak boleh salahkan Barat ke atas apa yang berlaku. Jika setiap negara mempunyai pemimpin seperti Mahathir, saya tidak fikir negara-negara Islam akan terjerumus ke dalam masalah ini," tambahnya. ❑